

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 18 JANUARI 2014 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Bandar taraf MSC	Harian Metro
2.	Enam beranak dapat MyKad, sijil lahir	Utusan Malaysia
3.	Tak pernah sekolah	Harian Metro
4.	Najib : Kabinet terima cadangan penambahbaikan hadapi banjir	Bernamea.com
5.	Angin kencang, laut bergelora berterusan sehingga Isnin	Bernamea.com
6.	Malaysia ready for innovation era	New Straits Times
7.	Pensyarah Berkeley Raih Anugerah Sains Mahathir	Bernamea.com
8.	BiotechCorp pilih AS perkenal tawaran Malaysia	Berita Harian

Bandar taraf MSC

■ Pembangunan Kuala Selangor turut maju pertanian, perikanan

Oleh Raja Puteri Nabihah Raja Ayub
am@mediaprima.com.my
Kuala Selangor

Bandar ini bakal menjadi sebuah bandar berteknologi tinggi dengan pembangunan sebuah pusat siber bertaraf Koridor Raya Multimedia (MSC) yang dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh 15 tahun.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Dr Ewon Ebin berkata, pembangunan dilakukan Goldpage Assets Sdn Bhd di Pasir Penambang itu mampu menarik ramai pelabur dari luar ke bandar itu sekali gus menyumbang kepada peningkatan ekonomi di Kuala Selangor.

"Bukan itu saja, pembangunan ini dilihat memberi faedah kepada sektor pertanian dan perikanan di kawasan itu yang sekian lama ketinggalan dari segi kegunaan teknologi maklumat.



EWON (dua dari kanan) merasmikan Cybercentre.

"Selain itu, kewujudan pusat siber ini bakal membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat di sekitar Kuala Selangor," katanya pada sidang media selepas merasmikan Pelancaran Cybercentre dan Majlis Menandatangani

Memorandum Persefahaman (MoU) antara Goldpage Assest Sdn Bhd dan Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka (KAYM).

Majlis itu turut dihadiri pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Goldpage Assest Datuk

Teh Hock Seong dan Ketua Pegawai Eksekutif Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka Datuk Saroni Judi.

Beliau berkata, inisiatif Goldpage Assest membangunkan kawasan luar bandar seperti Kuala Selangor dipuji kerana membawa perubahan dari segi teknologi maklumat (IT).

Dalam pada itu, Teh berkata, kerja pembinaan pusat siber seluas 323 ekar akan dimulakan pada akhir tahun ini secara berperingkat menerusi lima fasa.

"Pembangunan berkonsepkan pelancongan akan dilaksanakan termasuk pusat pelancongan, pusat beli belah, rumah mampu milik, rumah dua tingkat dan hospital," katanya.

Sementara itu, satu lagi cawangan KAYM akan dibuka bagi membolehkan peluang pendidikan dan latihan dalam kalangan masyarakat di Kuala Selangor dilakukan.

FOTO: SUZAINI SULAIMAN

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 16
TARIKH: 18 JANUARI 2014 (SABTU)



ABU Bakar Mohamad Diah (kanan) menyerahkan menyerahkan sijil kelahiran kepada salah seorang anak Khatijah Syed Mohamad sambil disaksikan wakil JPN, Md. Yusuff Hussien (belakang, kiri) di Kampung Paya Mengkuang 2, Bukit Rambai, Melaka, semalam. - UTUSAN/AZLI AHMAD

Enam beranak dapat MyKad, sijil lahir

MELAKA 17 Jan. - Penantian hampir setahun seorang wanita dan lima anaknya untuk memiliki MyKad dan sijil kelahiran akhirnya berakhir apabila kesemua mereka mendapat dokumen pengenalan diri tersebut hari ini.

Khatijah Syed Mohamad, 43, dan lima anaknya, Nurul Hidayah Muhammad Khairuddin, 16; Susmeeta, 14; Siti Fatimah, 10; Muhammad Muharam, 7, dan Siti Aisyah, 4, mendapat dokumen masing-masing hasil bantuan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Melaka dan Pusat Khidmat Parlimen Tangga Batu.

Ahli Parlimen Tangga Batu, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, penyerahan itu merupakan usaha mereka membantu keluarga

itu yang terdiri daripada sepasang suami isteri dan lapan anak.

"Keluarga ini berpindah ke Bukit Rambai untuk mencari kehidupan baharu dan suaminya tidak sihat serta perlu menjalani pembedahan tidak lama lagi.

"Disebabkan kesempitan hidup dan masalah tertentu, keluarga ini yang hidup berpindah-randah dari satu tempat ke satu tempat lain menghadapi masalah untuk mendapatkan kad pengenalan dan sijil kelahiran bagi anak mereka.

"Perkara ini dapat dikesan oleh JPN negeri dan mereka menghubungi saya dan atas inisiatif JPN, dalam tempoh tiga minggu sahaja mereka berjaya memperoleh kad pengenalan dan sijil kelahiran ma-

sing-masing," katanya.

Abu Bakar yang juga Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, menyerahkan MyKad dan sijil kelahiran itu di rumah sewa keluarga berkenaan di Bukit Rambai di sini hari ini.

Beliau turut menyerahkan bantuan peribadi berupa wang tunai dan barangan keperluan harian.

Menurut Abu Bakar, pihaknya akan berusaha membantu keluarga itu terutamanya dalam urusan pendapatan, kediaman dan persekolahan anak-anak mereka.

Katanya, pemantauan yang berterusan serta perhatian akan terus diberikan agar keluarga itu tidak berada dalam keadaan berlapar dan keciciran pelajaran.

Tak pernah sekolah

• 5 beradik tiada MyKad, surat beranak kini lega



FOTO: MOHD HATIM AB MANAN

ABU Bakar (kawan) menyerahkan sijil kelahiran kepada keluarga Khatijah di Kampung Paya Mengkuang 2, semalam.

Oleh Nur Ain Musdad
am@mediaprima.com.my
Melaka

Selepas beberapa tahun membesar tanpa pengenalan diri, lima beradik dari Kampung Paya Mengkuang 2, Bukit Rambai, di sini, akhirnya memperoleh MyKad dan surat beranak masing-masing semalam.

Ibu kepada lima beradik itu Khatijah Syed Mohamed, 43, bersyukur dan mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Melaka membantunya mendapatkan bu-

tiran pengenalan anaknya itu.

"Sebelum ini, anak kedua, Nurul Hidayah Muhammad Khairuddin, 16, dan adiknya Susmeeta, 14, tidak mempunyai kad pengenalan sejak berusia 12 tahun, manakala Siti Fatimah, 10, Muhammad Muharam, 7, dan Siti Aishah, 4, tiada dokumen kelahiran.

"Antara faktor menyebabkan saya gagal membuat mendaftarkan mereka adalah kerana suami Muhammad Khairuddin Abdullah, 54, seorang muallaf dan lewat mendapat surat pengesahan memeluk Islam sebelum ini," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Paya Meng-

FAKTA
Masalah dokumen pengenalan diri kanak-kanak terbabit dikesan ibu pejabat JPN di Kuala Lumpur

kuang 2, Bukit Rambai, di sini, semalam.

Khatijah berkata, berikutan kegagalan mendapatkan MyKad dan sijil kelahiran, semua anaknya tidak bersekolah selain dihimpit kemiskinan.

Katanya, walaupun sudah beberapa tahun memeluk Islam, namun surat pengesahan itu hanya diperoleh pada 2004 menyebabkan ada antara anaknya gagal mendaftar untuk kedua-dua dokumen itu selain mereka kerap berpindah dari satu negeri ke negeri akibat kesempitan hidup.

"Sebelum ini, saya bekerja di kantin sebuah sekolah di Cheng dan berhenti pada penghujung Disember lalu kerana bimbang dengan kesihatan suami yang menghidap penyakit jantung. Saya sekeluarga terpaksa bergantung bantuan bulanan Majlis Agama Islam (MAIM) untuk menyara kehidupan," katanya.

Penyerahan MyKad dan sijil kelahiran kepada lima beradik itu dilakukan Ahli Parlimen Tangga Batu Datuk Abu Bakar Md Diah.

Turut hadir, Penyelia Bahagian Kelahiran dan Kematian JPN Melaka Md Yusof Hussin.

Sementara itu, Abu Bakar berkata, masalah dokumen pengenalan diri kanak-kanak terbabit dikesan ibu pejabat JPN di Kuala Lumpur sebelum pihaknya bersama JPN negeri membantu menjejaki lokasi mangsa.

"Dalam tempoh tiga minggu, kami berjaya menguruskan pendaftaran MyKad dan sijil kelahiran lima beradik ini sebelum menyerahkan dokumen berkenaan kepada mereka dan berharap anak Khatijah boleh bersekolah semula selepas ini," katanya.

